



Najib hadapi tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Mahkamah benar permohonan panggil pakar tulisan tangan

BH-23/1/2020 m/s:12

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam membenarkan permohonan Datuk Seri Najib Razak untuk memanggil pakar tulisan tangan dari Australia bagi memeriksa ketulenan tandatangannya pada 13 dokumen SRC International Sdn Bhd.

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali yang membuat keputusan itu, memerintahkan pihak pembelaan mengatur pemeriksaan dokumen oleh pakar itu pada minggu hadapan dalam tempoh masa tidak melebihi dua hari supaya tidak mengganggu perbicaraan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC dihadapi Najib.

Hakim turut memerintahkan lokasi pemeriksaan diadakan dalam premis mahkamah yang akan ditentukan kemudian oleh Timbalan Pendaftar dengan dihadiri wakil pendakwaan dan pembelaan serta mahkamah.

Mohd Nazlan selanjutnya membenarkan pihak pendakwaan untuk memanggil saksinya

bagi menangkis keterangan saksi pakar itu mengikut Seksyen 425 Kanun Acara Jenayah membabitkan bukti pakar jika ia (pendakwaan) berhasrat berbuat demikian.

Mohd Nazlan dalam penghakimannya berkata, mengikut undang-undang, seseorang tertuduh berhak untuk mendapatkan dan mengemukakan bukti relevan dalam pembelaannya.

Beliau berkata, walaupun permohonan itu dibuat selepas ia difikirkan kemudian oleh tertuduh, ia bukan alasan yang sah untuk menghalang Najib daripada mengemukakan bukti berkenaan di mahkamah untuk membela diri.

Beliau berkata, pemberatan pembuktian yang akan diberikan kepada keterangan pakar itu jika ia dikemukakan di mahkamah, termasuk sama ada pembelaan tertuduh akan terjejas disebabkan faktor 'permohonan yang difikirkan kemudian', hanya akan ditentukan oleh mahkamah di

akhir kes pembelaan.

"Ini bagi memastikan bukti terbaik berhubung ketulenan dokumen yang dipertikaikan itu dibawa ke mahkamah, ia adalah tugas mahkamah untuk memastikan integriti proses perbicaraan dan hak perlembagaan tertuduh sentiasa terbelas.

"Saya sehubungan itu membenarkan permohonan ini untuk memeriksa dokumen yang dipertikaikan," katanya.

Najib membuat permohonan untuk memanggil pakar tulisan tangan Australia, Steven Strach selepas mempertikaikan tandatangan beliau pada dokumen SRC membabitkan pinjaman RM4 bilion oleh SRC daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Najib dalam keterangan di Mahkamah Tinggi sebelum ini berkata beliau tidak pasti sama ada ia adalah tandatangan miliknya pada dokumen itu, malah beliau juga tidak pernah ditunjukkan dengan salinan asal.